



## TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

## SEMPENA

**RUMAH TERBUKA KRISMAS PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

**27 DISEMBER 2017 (RABU)  
DI DATARAN DBKL, JALAN RAJA LAUT  
KUALA LUMPUR**

---

**Bismillah hirrahman Nirahim.**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis  
(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)**

**Para wakil media,**

**YBhg. Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam 1 Malaysia.**

## **Pendahuluan**

1. Alhamdulillah, segala puji penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Rumah Terbuka Krismas Peringkat Wilayah Persekutuan yang penuh harmoni dan warna warni pada hari ini. Kita berkumpul di Dataran DBKL ini sebagai lambang perpaduan dan permuafakatan yang disemai tanpa mengira batas sempadan kaum dan agama.
2. Kita juga sentiasa menghargai kepentingan perayaan-perayaan seperti ini dan memanfaatkannya untuk mengukuhkan lagi semangat kekitaan, perasaan muhibah dan harmoni yang sememangnya amat sinonim dalam konteks kepelbagaian budaya dan etnik di negara ini.
3. Oleh itu, kita mesti sentiasa berusaha untuk menyemai, memupuk dan mempertahankan semangat murni dan kerjasama antara kaum kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tuggak kekuatan kita serta menjadi teladan di mata dunia.

**Hadirin hadirat sekalian,**

## **Kemeriahian Sambutan Hari Krismas**

4. Perayaan Krismas juga dikenali sebagai satu perayaan yang memberi kegembiraan dan keceriaan kepada semua terutamanya kanak-kanak. Pelbagai perhiasan pokok Krismas yang dihias cantik, lampu kelip

kelip pelbagai warna serta dilimpahi hadiah yang banyak di bawah pokok tersebut pastinya menimbulkan keriangan kepada semua.

5. Menerusi konsep rumah terbuka yang kita anjurkan ini, membolehkan rakyat dari kaum lain untuk merasai kegembiraan perayaan Krismas. Sambutan perayaan Krismas ini menunjukkan betapa negara ini menghargai setiap peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh warga negara yang dicerminkan melalui keeratan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.
6. Justeru, kemeriahinan dan keriangan menyambut Hari Natal ini akan lebih bermakna apabila dikongsi dengan mereka yang memerlukan bantuan dan serba kekurangan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya termasuk OKU kanak-kanak dan warga emas.
7. Oleh itu, pada hari ini, saya amat berterima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan di atas sumbangan kepada anak-anak komuniti Wilayah Persekutuan, warga emas dan juga golongan gelandangan yang hadir pada hari ini.
8. Saya menyeru jika ada mana-mana badan korporat dan swasta lain yang ingin menghulurkan sumbangan kepada golongan yang berkeperluan seperti ini, boleh berkerjasama dengan KWP dalam menyampaikan sumbangan.
9. Adalah besar harapan saya agar program yang Kementerian Wilayah Persekutuan anjurkan ini akan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, saling menghormati dan menyayangi serta berkongsi kegembiraan yang dikehendaki bersama-sama dengan insan yang kurang bernasib baik.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,**

**Pencapaian Inisiatif Mensejahterakan Rakyat Kepada Warga Wilayah Persekutuan sepanjang 2017**

10. Saya amat berbangga melihat pelbagai pencapaian yang telah dilakar oleh sahabat saya iaitu YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor, yang menjadi peneraju kepada Wilayah Persekutuan. Sahabat saya yang suka menggelarkan dirinya sebagai ketua kampung di sini mempunyai hubungan yang rapat dengan warga kota. Saya juga melihat pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan adalah demi kesejahteraan hidup rakyat. Antara program yang menyentuh hati rakyat adalah program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan di mana golongan miskin tegar dan miskin bandar terpilih yang tinggal di PPR MTEN dan PA DBKL diberikan rumah secara percuma hasil kerjasama strategik dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan korporat. Dengan adanya program sebegini, pastinya dapat membantu meningkatkan taraf hidup golongan yang kurang berkemampuan ke tahap yang lebih berkualiti.
  
11. Selain itu, dalam usaha mengurangkan gejala sosial dan meningkatkan tahap keselamatan di Wilayah Persekutuan, KWP melalui *task force* operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH) telah melaksanakan 40 siri OPS BAH pada tahun ini di Pusat Hiburan Keluarga, Cyber Cafe, Kelab Malam di kawasan PPR serta PA DBKL, dan di Pusat Refleksologi Tidak Berlesen bagi membanteras kes judi haram, pelacuran, pendatang haram, penyalahgunaan dadah, GRO Melayu, dan pelbagai kesalahan lain. Hasil daripada operasi

bersepadu yang dilaksanakan ini berjaya menumpaskan 206 buah premis judi, nilai rampasan peralatan dan mesin judi atas talian mencecah RM 17.83 juta, 2,315 orang penagih dadah ditahan dan kesemua usaha ini adalah bagi mengawal masalah sosial dan memastikan keselamatan ibu negara kita khususnya sentiasa terpelihara.

12. Dalam mendepani isu kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, KWP juga telah memperkenalkan Kad Ceria buat warga Wilayah Persekutuan agar dapat membeli barang keperluan harian dengan harga diskaun. Sehingga kini, terdapat 7,924 *merchant* yang terlibat sebagai rakan dagang kad ceria yang melibatkan sejumlah 8,327 premis perniagaan di Wilayah Persekutuan.
13. Selain itu, bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri di Wilayah Persekutuan, KWP telah memperkenalkan dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Pelaksanaan program RUMAWIP ini telah mencapai sasaran sejumlah 71,262 unit rumah iaitu termasuk projek yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan telah mendapat kelulusan perintah pembangunan. Pelaksanaan RUMAWIP ini menjimatkan kos kerajaan secara keseluruhan kerana projek pembinaan yang dilakukan tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan sebaliknya usaha sama dengan syarikat-syarikat Pemaju dalam melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial mereka kepada rakyat. Pada awal tahun ini, projek RUMAWIP Pandanmas di Kampung Pandan telah siap dibina dan dibuat penyerahan kunci oleh

YAB Perdana Menteri sendiri. Pastinya para pembeli rumah tersebut sangat teruja dan gembira memiliki unit kediaman bertaraf kondominium pada harga yang sangat berpatutan. Jika sebelum ini hanya menyewa sahaja kini sudah mampu memiliki rumah sendiri hasil inisiatif kerajaan melalui program RUMAWIP

14. Kementerian Wilayah Persekutuan juga melaksanakan program pembangunan semula di Kuala Lumpur bagi membantu menaik taraf kehidupan rakyat. Pada tahun ini sahaja dua projek pembangunan semula telah berjaya dilaksanakan dan dibuat penyerahan kepada para penduduk. Program Pembangunan Semula Flat 4 Tingkat Kampung Kerinchi ini adalah salah satu contoh projek yang membantu menaik taraf kehidupan rakyat. Kehidupan di flat yang kurang selesa yang asalnya dan dahulunya merupakan kawasan setinggan berubah kepada sebuah kehidupan yang lebih moden dan selesa dikenali sebagai Residensi Kerinchi yang mempunyai pelbagai kemudahan termasuk jaringan pengangkutan yang efisyen. Begitu juga kejayaan projek pembangunan semula Perumahan Razak Mansion yang kini dikenali sebagai 1Razak Mansion. Kedua-dua projek ini adalah bukti komitmen Kerajaan dalam memberi keutamaan terhadap kesejahteraan kehidupan rakyat.
15. Selain itu, desakan ekonomi dan gangguan emosi yang membelenggu golongan gelandangan juga turut diberi perhatian oleh KWP dengan penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Gelandangan. Pembinaan pusat ini adalah bertujuan untuk membantu para gelandangan untuk kembali ke landasan kehidupan

normal. Kerajaan berganding bahu dengan pelbagai organisasi korporat dan NGO dalam membantu golongan ini dari aspek pemakanan, kesihatan, penempatan pekerjaan serta tempat tinggal sementara. Aktiviti kerohanian serta program jati diri turut diadakan bagi memberi semangat baru kepada mereka untuk meningkatkan taraf hidup serta keluar dari kehidupan bergelandangan ini.

16. Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah melaksanakan usaha menghijaukan Wilayah Persekutuan dengan kempen pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi dan katakan tidak kepada penggunaan polistrina dan plastik. Kini tahap penguatkuasaan sedang berjalan dan dilaksanakan oleh PBT di Wilayah Persekutuan. Saya amat berharap agar anda semua turut menyokong usaha murni ini agar inisiatif yang dilaksanakan akan membawa hasil yang bermanfaat. Saya berharap agar para peniaga dapat mematuhi peraturan ini yang telah berkuatkuasa sejak 1 September. Jangan nanti apabila Penguatkuasa turun membuat pemantauan dan dikenakan kompaun, menyalahkan kerajaan pula. Sama-sama kita berganding bahu untuk kebaikan bersama dengan menyokong segala usaha yang dibuat oleh sahabat saya, Ku Nan. Mengapa kita harus meletakkan diri dalam keadaan berisiko tinggi dengan masih menggunakan bekas-bekas polisterina dan plastik yang memang terbukti memudaratkan kesihatan? Maka tepuk dada tanya selera.

## BAJET 2018

17. Dalam pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini, YAB Perdana Menteri menyebutkan akan usaha-usaha untuk Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi Dan Ukhrawi, Mensejahtera Kehidupan Rakyat serta Menuju Aspirasi TN50 dengan pembudayaan inovasi.
18. Antara inisiatif kepada warga Wilayah Persekutuan adalah menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM120 juta kepada pengusaha *Food Truck* dengan subsidi kadar faedah 4 peratus. Para peniaga kecil di jalanan boleh menimbangkan untuk beralih kepada perniagaan *food truck* yang lebih kondusif dan teratur. Selain itu, meningkatkan sistem pengangkutan dengan meneruskan Projek MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya sepanjang 52 km dengan kos perbelanjaan RM32 billion, melaksanakan Projek High Speed Rail menghubungkan KL ke Singapura sepanjang 350 km serta mewajibkan semua bangunan pejabat baru menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pastinya memberi impak yang besar kepada warga Wilayah Persekutuan pada tahun hadapan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

**Penutup**

19. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Rumah Terbuka Krismas Peringkat Wilayah Persekutuan pada tahun ini.
20. Marilah kita bersama-sama mengorak langkah dan bersama-sama menyumbang kepada bumi tercinta Malaysia ini, ke arah kesejahteraan dan keharmonian untuk terus membangun, menuju ke arah negara maju dan makmur. Oleh itu, amalan berkongsi perayaan dan menghormati perayaan kaum-kaum lain serta tradisi kunjung mengunjung di musim perayaan ini perlu diteruskan supaya ianya kekal menjadi identiti masyarakat Malaysia yang unik lagi harmoni.
21. Sehubungan dengan itu, bersama-sama lah kita berusaha agar Majlis Rumah Terbuka Wilayah Persekutuan bagi setiap perayaan di Malaysia ini boleh dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalender aktiviti pelancongan dan kebudayaan di Kuala Lumpur sekaligus dapat menarik kedatangan pelancong yang lebih ramai pada tahun depan.
22. Akhir kata, saya mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Yayasan Wilayah Persekutuan mengucapkan Selamat Hari Natal kepada semua pengikut Kristian dan semoga perayaan kali ini akan membawa keamanan dan

kemakmuran untuk kita semua. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.